

LATIHAN AYAT AKTIF & AYAT PASIF PDPR

NAMA:

KELAS:

Tukarkan ayat pasif kepada ayat aktif di bawah.

Contoh: Pokok ditebang oleh Pak Samad di belakang rumah.

JAWAPAN: Pak Samad menebang pokok di belakang rumah.

LATIHAN 1

Tukarkan ayat pasif di bawah ini kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Hubungan mesra antara rakyat pelbagai kaum dapat diertatkan oleh sambutan rumah terbuka semasa perayaan.
- (ii) Masa dan tenaga telah anda habiskan untuk menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru.
- (iii) Rakyat asing yang masuk secara haram telah ditahan oleh pegawai imigresen ketika bot mereka tiba di Pantai Samudera.

[6 markah]

- i. _____

- ii. _____

- iii. _____

LATIHAN 2

Tukarkan ayat pasif di bawah kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Tanggungjawab menyara keluarga akan saya pikul setelah ayah meninggal dunia.
- (ii) Kerja-kerja pengukuhan cerun bukit yang sering berlaku tanah runtuh sedang giat dijalankan oleh pihak Jabatan Kerja Raya.
- (iii) Semenjak program kitar semula dilancarkan oleh kerajaan, tahap kesedaran orang ramai terhadap penjagaan alam sekitar semakin meningkat.

[6 markah]

- i. _____

- ii. _____

- iii. _____

LATIHAN 3

Tukar ayat pasif yang berikut kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Tarikh luput sesuatu barangan hendaklah kamu teliti sebelum membelinya.
- (ii) Majalah yang mempunyai maklumat tentang flora dan fauna telah saya baca.
- (iii) Orang ramai dinasihati oleh doktor supaya minum air yang banyak ketika musim panas.

[6 markah]

- i. _____

- ii. _____

- iii. _____
